

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2019**

---

**PELAKSANAAN PERINTAH/PENGHAKIMAN MAHKAMAH**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai pelaksanaan perintah/penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah.

2. Untuk makluman YABhg. Dato'/YABrs Tuan, Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan pada 15.07.2018 telah mengeluarkan suatu surat kepada YABrs. Ketua Jajahan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, Kuala Krai dan Machang yang berhubungan dengan penangguhan pelaksanaan penghakiman mahkamah Guaman Sivil No: 22-NCvC-56-04/2013 bertarikh 15.10.2017 oleh Hakim Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu. (selepas ini dirujuk sebagai "surat tersebut").
3. Berdasarkan surat tersebut, sekiranya pihak YABhg. Dato'/YABrs Tuan menerima sesalinan Perintah/Penghakiman termeterai daripada mana-mana pihak yang melibatkan Pentadbir Tanah dan Jajahan di saman (interparte) dan kesnya diwakili oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, pihak YABhg. Dato'/YABrs Tuan adalah dinasihatkan untuk mengemukakan sesalinan Perintah/Penghakiman termeterai tersebut kepada pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan bagi mendapatkan arahan daripada pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan sebelum apa-apa tindakan pelaksanaan dibuat.
4. Selanjutnya, sekiranya pihak YABhg. Dato'/YABrs Tuan menerima sesalinan Perintah/Penghakiman termeterai daripada mana-mana pihak dan pihak YABhg. Dato'/YABrs Tuan berpandangan bahawa terdapat apa-apa ketidakpastian atau halangan untuk dilaksanakan, maka pihak YABhg. Dato'/YABrs. Tuan adalah dinasihatkan untuk mengemukakan sesalinan Perintah/Penghakiman termeterai

tersebut kepada Pegawai Undang-Undang Pejabat ini untuk mendapatkan ulasan dan pandangan awal.

5. Arahan ini berkuat kuasa dengan serta-merta dan Pendaftar Hakmilik serta Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah memastikan arahan ini dilaksanakan.



**(DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL), D.P.S.K (Kelantan), K.M.N**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU

FAIL NO. : PTG.KN. 32/69 Jld (4)  
BERTARIKH : 21 Ramadhan 1440H  
26 Mei 2019

KEPADA:

*Yang Mulia Dato' Tengku / Yang Amat Berusaha*  
*Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan*

SALINAN KEPADA:

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.